

**PELAKSANAAN HUKUMAN PERINTAH KHIDMAT
MASYARAKAT: SATU KAJIAN ULASAN SISTEMATIK**
*(The Implementation of Community Service Order: A Systematic
Review)*

N.K. Tharshini, Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
Selangor, Malaysia.

Emel: tharshini.nk@gmail.com, ifauziah@ukm.edu.my, ezaz@ukm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini disediakan bagi mengulas pelaksanaan hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) di seluruh negara. Satu kajian ulasan sistematik telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat lengkap berkaitan sejarah pelaksanaan PKM dengan menggunakan pangkalan data Emerald, Elsevier, Sage and Google Scholar. Keputusan kajian menunjukkan bahawa sistem perundangan di United Kingdom, Singapura, Hong Kong, Eropah, Uganda dan Malaysia melaksanakan hukuman PKM di negara masing-masing. Dapatan kajian turut mendapati bahawa hukuman PKM mampu mengurangkan kadar residivisme, meningkatkan sikap pro-masyarakat dalam diri banduan serta menjadi platform bagi mengintegrasikan banduan ke dalam komuniti. Hasil kajian memberi implikasi terhadap keperluan pihak berkepentingan mengenai kerelevanan konsep pemulihan dalam komuniti bagi memulihkan individu yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah.

KATA KUNCI: *perintah khidmat masyarakat, ulasan sistematik*

ABSTRACT

This article is prepared to review the implementation of Community Service Order (CSO) in different countries around the world. A systematic review was conducted to obtain information regarding the history and implementation of CSO in databases such as Emerald, Elsevier, Sage and Google Scholar. The results indicate that United Kingdom, Singapore, Hong Kong, Europe, Uganda and Malaysia are among the countries which have implemented CSO through their legal system. The finding also stipulates that CSO has the potential to reduce the recidivism rate, enhance pro-social behavior among offenders and creates a platform to integrate offenders into a community. As an overall impact, the study provided implications to the concerned parties regarding the importance of community-based rehabilitation to refine individual who has involved in criminal activities.

KEYWORDS: *community service order, systematic review*

1.0 PENGENALAN

Konsep pemulihan dalam institusi (penjara/institusi pemulihan akhlak) merupakan kaedah tradisional bagi mengubah tingkah laku banduan dengan menggunakan pendekatan “*self-blaming*” (Maruna 2001; Serin et al. 2011; McNeill 2012). Menurut Petersilia (2003) pengalaman penahanan di penjara atau institusi pemulihan akhlak mampu memberi kesan negatif dalam diri banduan khususnya dari aspek fizikal, mental dan emosi. Selain itu, Thoits (2011), Anagnostaki (2011), Samuri et al. (2012), Lebel (2012) dan Kobayashi et al. (2012) menjelaskan bahawa tempoh pemenjaraan yang panjang akan memberi impak terhadap perhubungan di antara banduan dengan ahli keluarga kerana golongan ini perlu berpisah dengan individu yang signifikan dalam kehidupan mereka untuk satu tempoh tertentu.

Penahanan dalam penjara atau institusi pemulihan akhlak merumitkan lagi proses pengintegrasian sosial kerana banduan perlu berhadapan dengan isu stigma dan pelabelan negatif daripada persekitaran sosial selepas kembali semula ke pangkuan masyarakat (Benson 2011; Anagnostaki 2011; Walters 2014; Caudy et al. 2015; Folk et al. 2016). Oleh yang demikian, konsep pemulihan dalam komuniti seperti hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) mula diadaptasi dalam sistem perundangan bagi memulihkan individu yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah memandangkan pendekatan ini mempunyai kelebihan yang tersendiri iaitu; (i) mewujudkan perhubungan yang positif di antara banduan dengan ahli komuniti, (ii) mengurangkan risiko keterasingan sosial serta (iii) memudahkan proses pengintegrasian sosial (Griffiths et al. 2007; Caudy et al. 2015).


Maruna (2001) menjelaskan bahawa hukuman PKM merupakan suatu konsep pemulihan yang bersifat holistik memandangkan intervensi pro-masyarakat digunakan bagi memulihkan individu yang pernah terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial. Selain itu, menurut pandangan Walters (2014) pelaksanaan hukuman PKM mampu memberi kesan positif kepada banduan dan sistem keadilan sosial yang beroperasi di sesebuah negara memandangkan; (ii) golongan bawah umur dapat dielakkan daripada masuk ke penjara atau institusi pemulihan akhlak pada usia muda, (iii) masalah kesesakan dalam penjara dapat ditangani dengan mudah serta (iv) kos perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan bagi memulihkan individu yang pernah terlibat dengan gejala antisosial dapat dikurangkan dalam jangka masa panjang.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

Sebuah kajian ulasan sistematik dijalankan bagi mendapatkan maklumat terperinci mengenai sejarah pelaksanaan hukuman PKM di seluruh negara. Kata kunci seperti “Perintah Khidmat Masyarakat”, “sejarah pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat” dan “pemulihan dalam komuniti” ditaip dalam pangkalan data seperti *Emerald*, *Elsevier*, *Sage* dan *Goggle Scholar* bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Beberapa kriteria pemilihan bahan bacaan telah ditetapkan terlebih dahulu bagi tujuan mendapatkan maklumat lengkap berkaitan dengan sejarah pelaksanaan hukuman PKM di seluruh negara iaitu: (i) artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang telah diterbitkan dengan menggunakan medium elektronik dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris bermula daripada 1 Januari 1981 hingga 1 Disember 2016 serta (ii) hasil temubual bersama dengan pegawai lapangan, pihak berkuasa polis dan pegawai penjara.

Seterusnya, bagi tujuan menjalankan sebuah ulasan sistematik yang bersifat komprehensif beberapa kriteria pengecualiaan/pengguguran bahan bacaan juga telah ditetapkan terlebih dahulu iaitu artikel/tesis/ulasan buku/analisis-meta/laporan tahunan yang tidak lengkap berkaitan dengan sejarah pelaksanaan hukuman PKM. Rajah 1 menunjukkan proses menjalankan ulasan sistematik dalam kajian ini.



Rajah 1: Proses Menjalankan Ulasan Sistematik

3.0 HASIL KAJIAN

Berpandukan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan terdapat enam buah negara yang sedang menjalankan hukuman PKM dengan jayanya iaitu; (i) United Kingdom, (ii) Singapura, (iii) Hong Kong, (iv) Eropah, (v) Uganda dan (vi) Malaysia.

3.1 Perintah Khidmat Masyarakat di United Kingdom

Pada tahun 1970, *Advisory Council on the Penal System* mencadangkan bahawa hukuman PKM yang dilaksanakan di United Kingdom perlu memenuhi lima syarat utama iaitu; (i) pesalah perlu menjalani hukuman penjara selama dua tahun, (ii) pesalah berusia di antara 20 hingga 50 tahun, (iii) pekerja sosial atau pegawai penjara perlu menyediakan laporan sosial serta menyenaraikan kerja-kerja amal yang perlu dilakukan oleh pesalah, (iv) perintah perlu dilaksanakan dalam tempoh satu tahun (240 jam) dan (v) pesalah yang tidak hadir tanpa sebab atau sengaja melanggar perintah boleh dihadapkan di mahkamah serta dikenakan denda atau hukuman yang lebih berat (Scottish Government 2008). Berikutan dengan maklum balas positif yang diterima daripada jabatan penjara, bermula dari tahun 1973 kerajaan Great Britain telah memerintahkan agar hukuman PKM dilaksanakan di seluruh United Kingdom sebagai hukuman alternatif bagi pesalah dewasa yang disabitkan kesalahan kali pertama (Scottish Prisons Commission 2008).

Criminal Justice Act telah diperkenalkan di England dan Wales pada tahun 1991. Mengikut akta ini, pesalah dewasa diwajibkan untuk menjalani hukuman PKM selama 40 hingga 100 jam. Perintah ini ditukar nama kepada *Community Punishment Order* (CPO) pada tahun 2001. Perubahan dilakukan dalam tempoh masa untuk melaksanakan CPO di mana had minima yang ditetapkan adalah selama 40 jam manakala had maksima yang ditetapkan adalah selama 240 jam (Social Work Services Group 1993). Di Scotland, *Law Reform (Miscellaneous Provision) (Act 199)* diperkenalkan pada tahun 1995. Kerajaan Scotland menetapkan bahawa pesalah muda yang berusia di antara 16 hingga 20 tahun perlu menjalani hukuman PKM selama 80 hingga 300 jam (Scottish Government 2008). Selain itu, pada tahun 2005 kerajaan United Kingdom memperkenalkan *National Standards for Community Service Order* yang bertujuan untuk; (i) menghukum pesalah dengan melakukan kerja-kerja amal tanpa diberi bayaran/ganjaran, (ii) meningkatkan disiplin dalam diri pesalah, (iii) mengurangkan kadar residivisme serta (iv) menghubungkan pesalah dengan anggota masyarakat (Social Work Services Group 1993).

Berpandukan kepada CPO didapati bahawa hukuman PKM akan dikenakan terhadap individu yang pernah terlibat dengan jenayah harta benda dan kesalahan-kesalahan kecil (tipu muslihat) serta perlu melakukan kerja-kerja amal seperti; (i) membersihkan grafiti, (ii) membersihkan kawasan terbengkalai dan (iii) membersihkan bangunan/dewan komuniti. Selain itu, sepanjang menjalani tempoh hukuman pesalah juga diwajibkan untuk mengikuti program pemulihan yang telah dirangka oleh sistem perundangan seperti; (i) menjalani sesi kaunseling bersama pakar psikologi, (ii) mengikuti kelas membaca dan menulis serta (iii) menyertai program kerjaya bagi membuat persediaan untuk memohon pekerjaan selepas menamatkan tempoh perintah (Scottish Government 2008).

3.2 Perintah Khidmat Masyarakat di Singapura

Tiga prinsip asas dalam sistem perundangan di Singapura adalah; (i) retribusi – pesalah menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka, (ii) pencegahan – mengelakkan pesalah daripada terlibat semula dengan salah laku jenayah, dan (iii) pemulihan – memulihkan dan membina identiti yang positif dalam diri pesalah (Committee on the Rights of the Child 2003). Berpandukan kepada prinsip berikut, di Singapura hukuman PKM diperkenalkan pada tahun 1996 sebagai perintah percubaan bagi juvana yang berusia di antara 14 hingga 16 tahun (International Bureau for Children’s Rights 2000).

PKM yang diperkenalkan di Singapura adalah bertujuan untuk menghukum dan memberi pengalaman bermakna kepada juvana yang bermasalah menerusi konsep pemulihan dalam komuniti serta mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan juvana (International Bureau for Children’s Rights 2000). Pada tahun 2003, *The Committee on the Rights of the Child* (CRC) menyarankan agar hukuman PKM turut dilaksanakan bagi golongan remaja yang berusia di antara 14 hingga 18 tahun selama 40 hingga 240 jam (Committee on the Rights of the Child 2003).

Secara amnya, juvana yang telah diarahkan untuk melaksanakan hukuman PKM perlu melakukan kerja-kerja amal di institusi kebajikan sosial, menjaga orang tua, kanak-kanak kurang upaya, mengambil bahagian dalam program amal serta menjadi sukarelawan di hospital (International Bureau for Children’s Rights 2000). Selain itu, mengikut Section 5 (2) *Probation of Offenders Act* hukuman PKM bertujuan untuk; (i) membantu juvana dalam mempelajari

kemahiran baharu, (ii) meningkatkan tanggungjawab dalam diri juvana, (iii) mengeratkan ikatan sosial antara juvana dengan ahli keluarga serta (iv) mewujudkan perasaan prihatin dan bertimbang rasa terhadap keperluan orang lain (International Bureau for Children's Rights 2000).

3.3 Perintah Khidmat Masyarakat di Hong Kong

Hukuman PKM merupakan perintah alternatif bagi pesalah muda di Hong Kong. Menurut Hong Kong *Correctional Service Department* (2001), pesalah muda dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu; (i) pesalah yang berumur 14 hingga 21 tahun dan (ii) pesalah yang berumur 21 hingga 25 tahun. Di bawah Seksyen 36 *Magistrates Ordinance (Cap. 227)*, hukuman PKM dijatuhkan berdasarkan kepada empat aspek utama iaitu; (i) tingkah laku pesalah muda, (ii) jenis kesalahan yang dilakukan oleh pesalah muda, (iii) umur pesalah muda serta (iv) tahap kesihatan mental pesalah muda (Hong Kong Correctional Service Department 2001).

Menurut *Penal Advisory Council's Report on Non-Custodial and Semi-Custodial Penalties* pesalah muda yang terlibat dengan kesalahan mencuri, kesalahan trafik, pecah masuk rumah dan penyalahgunaan dadah akan dijatuhkan hukuman PKM (Hong Kong Prisons Department 1981; Hong Kong Correctional Service Department 2001). Secara amnya, hukuman PKM yang dilaksanakan di Hong Kong adalah berasaskan kepada empat objektif utama iaitu; (i) memberi hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh pesalah muda, (ii) memulihkan dan membina keperibadian positif dalam diri pesalah muda, (iii) memberi peluang kepada pesalah muda untuk menawarkan peranan yang bermakna kepada ahli komuniti serta (iv) mengurangkan beban kewangan yang perlu ditanggung oleh pihak kerajaan bagi memulihkan pesalah muda (Hong Kong Social Welfare Department 1983).

Seterusnya, Hong Kong *Correctional Service Department* (2001) turut menjelaskan bahawa hukuman PKM yang dijalankan di Hong Kong mempunyai kelebihannya yang tersendiri iaitu; (i) pesalah muda masih dapat bekerja walaupun sedang menjalani hukuman, (ii) menerusi hukuman PKM jurang sosial di antara pesalah muda dengan ahli keluarga dapat dikurangkan kerana mereka tidak dimasukkan ke penjara/institusi pemulihan akhlak dan (iii) pesalah muda masih dapat meneruskan pengajian (sekolah/kolej/universiti) walaupun sedang menjalani hukuman.

3.4 Perintah Khidmat Masyarakat di Eropah

Hukuman PKM diperkenalkan di negara-negara Eropah seperti Switzerland (1964), Jerman (1975), Luxembourg (1976), Itali (1981), Belanda (1981), Denmark (1982), Portugal (1982), Perancis (1983), Norway (1984), Sweden (1992), Finland (1994), Ireland (1983) dan Czech (1995) pada tahun yang berbeza (European Rules on Community Sanctions and Measures 2000). Di bawah *Danish Penal Code*, kerajaan Denmark memperkenalkan hukuman PKM pada tahun 1963 serta mengambil masa selama 10 tahun untuk dilaksanakan sepenuhnya dalam sistem perundangan dan kehakiman di Eropah (European Rules on Community Sanctions and Measures 2000).

Di Eropah pesalah yang berusia di antara 16 hingga 20 tahun diwajibkan untuk menjalani hukuman PKM selama 240 jam (European Rules on Community Sanctions and Measures 2000). Perangkaan statistik menunjukkan bahawa dari tahun 1990 hingga tahun 1998 sejumlah 13,100 orang pesalah muda telah menjalani hukuman PKM di Ireland (European Rules on Community Sanctions and Measures 2000). Selain itu, sehingga tahun 1999 didapati bahawa sejumlah 40,000 pesalah muda di Eropah telah diarahkan untuk melaksanakan hukuman PKM manakala seramai 35,638 pesalah muda telah melaksanakan perintah ini dengan jayanya (European Rules on Community Sanctions and Measures 2000).

Berpandukan kepada *European Rules on Community Sanctions and Measures* (2000) pelaksanaan hukuman PKM di Eropah adalah berdasarkan kepada empat objektif utama iaitu; (i) menggalakkan proses pengintegrasian sosial antara pesalah muda dengan anggota masyarakat, (ii) meningkatkan kesedaran pesalah muda mengenai kepentingan serta kelebihan gaya hidup pro-sosial, (iii) membendung isu stigma, pelabelan dan persepsi negatif terhadap pesalah muda yang pernah terlibat dengan perlakuan yang bertentangan dengan norma sosial serta (iv) mengurangkan kadar residivisme dalam kalangan pesalah muda. Seterusnya, berpandukan kepada *European Rules on Community Sanctions and Measures* (2000) individu yang telah dijatuhkan hukuman PKM perlu melibatkan diri dalam kerja-kerja amal seperti; (i) menjaga orang tua, (ii) membantu golongan kurang upaya, (iii) memberi sokongan sosial kepada individu yang mempunyai masalah kesihatan mental, (iv) membersihkan kawasan awam serta (v) menjadi sukarelawan di kawasan perhentian bas (memberi maklumat kepada orang ramai mengenai laluan bus awam).

3.5 Perintah Khidmat Masyarakat di Uganda

Pada tahun 1996 hukuman PKM telah diperkenalkan sebagai perintah alternatif di Uganda untuk menggantikan hukuman pemenjaraan bagi individu yang pernah terlibat dengan jenayah harta benda dan kesalahan-kesalahan kecil (Penal Reform International Report 2001). Selain itu, perintah ini turut diperkenalkan di Lesotho, Swaziland, Kenya, Malawi, Zambia dan Zimbabwe bagi menangani masalah kesesakan dalam penjara serta mengurangkan kos perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh kerajaan Uganda untuk memulihkan banduan yang pernah terlibat dengan kesalahan jenayah (Penal Reform International Report 2001).

Menurut *Interim National Committee on Community Service* (1998) dan *Uganda Law Reform Commission* (2004) pesalah muda yang diarahkan untuk menjalani hukuman PKM perlu melakukan kerja-kerja amal di sekolah, hospital, klinik kesihatan, rumah orang tua dan rumah kanak-kanak kurang upaya. Pelaksanaan hukuman PKM di Uganda adalah berasaskan kepada enam objektif utama iaitu; (i) mewujudkan hubungan yang rapat di antara pesalah dengan ahli keluarga, (ii) mengurangkan masalah kesesakan dalam penjara, (iii) mengurangkan kadar jenayah di Uganda (iv) mengurangkan kos perbelanjaan dan penyelenggaraan yang perlu ditanggung oleh institusi pemulihan akhlak/penjara (v) menjamin hak asasi pesalah muda serta (vi) berfungsi sebagai medium untuk mengintegrasikan pesalah muda dengan ahli komuniti (National Community Service Secretariat 2005).

National Community Service Secretariat (2005) menjelaskan bahawa hukuman PKM yang dilaksanakan di Uganda akan memberi manfaat kepada tiga pihak utama iaitu; (i) pesalah - mangsa: pesalah perlu membayar semula kepada anggota masyarakat dengan melakukan kerja-kerja amal tanpa diberi sebarang upah/ganjaran selaras dengan kesulitan yang telah ditimbulkan kepada ahli komuniti/mangsa, (ii) pesalah - ahli keluarga: pesalah berpeluang untuk memperbaiki semula perhubungan dengan ahli keluarga serta tidak terlibat semula dengan aktiviti jenayah pada masa hadapan dan (iii) pesalah - pihak kerajaan: keyakinan anggota masyarakat terhadap sistem perundangan dapat dikekalkan apabila hukuman yang adil dan saksama dijatuhkan kepada individu yang melanggar undang-undang.

3.6 Perintah Khidmat Masyarakat di Malaysia

Pada tahun 2007, hukuman PKM dilaksanakan di Malaysia di bawah Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (2006) sebagai hukuman alternatif bagi pesalah muda yang melakukan kesalahan jenayah kali pertama. Secara amnya, hukuman PKM yang diperkenalkan di Malaysia bertujuan untuk mengurangkan kadar pemenjaraan serta memulihkan pesalah muda dengan menggunakan pendekatan komuniti yang menekankan tiga elemen utama iaitu; (i) hukuman - diberikan dengan melucutkan masa lapang pesalah muda, (ii) pemulihan - merangsang tanggungjawab sosial dalam diri pesalah muda dan (iii) penginsafan - memberi ruang kepada pesalah muda untuk menjalani hukuman dengan menawarkan faedah bermakna kepada masyarakat (Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat (Pindaan 2011) Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Di Malaysia, hukuman PKM dijalankan pada hujung minggu (Sabtu dan Ahad) bermula dari jam 8.00 pagi/9.00 pagi sehingga 2.00 petang/3.00 petang. Selain itu, perintah ini hanya boleh dilakukan selama enam jam sehari (seperti yang dinyatakan dalam formula Umbreit) serta perlu dilengkapi dalam tempoh lima hingga enam bulan atau 10 hingga 12 bulan (mengikut bilangan jam agregat yang ditetapkan oleh Majistret) (Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat (Pindaan 2011) Jabatan Kebajikan Masyarakat). Berpandukan kepada Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat (Pindaan 2011) pesalah muda yang terlibat dengan hukuman PKM tidak akan diberikan sebarang bayaran/ganjaran selepas melakukan kerja-kerja amal manakala tempat dan masa untuk menjalankan perintah ditentukan oleh pihak mahkamah dan diselia oleh kakitangan awam.

Secara lazimnya, kerja-kerja amal yang perlu dilaksanakan oleh pesalah muda adalah meliputi; (i) aktiviti pemuliharaan kawasan - membersihkan sesuatu kawasan dengan menyapu sampah dan mencuci longkang, (ii) aktiviti pemuliharaan bangunan - membersihkan peralatan dalam bangunan seperti kipas, pintu, tingkap, tandas serta mengecat bangunan, (iii) aktiviti landskap - mencantas, menyiram dan menanam pokok-pokok hiasan, menukar tanah dalam pasu dan menggembur/membaja tanaman, (iv) aktiviti penyajian makanan - mengelap, mengemas meja dan kerusi, mencuci, menyapu, mengemop lantai serta membasuh pinggan mangkuk di rumah kebajikan kanak-kanak dan warga emas dan (v) aktiviti membersihkan kawasan rekreasi

- memperbaiki serta mengecat alat permainan, melukis garisan di padang dan memotong rumput (Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat (Pindaan 2011) Jabatan Kebajikan Masyarakat).

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada ulasan sistematik yang telah dijalankan maka dapat dirumuskan bahawa strategi pemulihan dalam komuniti (hukuman PKM) yang telah diadaptasi oleh sistem perundangan dan keadilan sosial di negara-negara seperti United Kingdom, Singapura, Hong Kong, Eropah, Uganda dan Malaysia bagi menghukum dan memulihkan individu yang pernah terlibat dengan salah laku jenayah adalah amat dialu-alukan memandangkan pendekatan ini adalah selaras dengan visi *United Nations* iaitu untuk mewujudkan perubahan positif dalam diri banduan dengan menggunakan konsep “*non-custodial punishment*”. Menerusi hukuman PKM diharap agar jati diri banduan dapat diperkasa agar golongan ini dapat meneruskan gaya kehidupan pro-sosial serta menjadi warganegara yang bertanggungjawab pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Anagnostaki, M. (2011). Community Service in Greece: Sentencing Practices, the Role of the Prosecution Service and Local Authorities. *European Journal of Criminology*; 8 (2): 157–166. Sage.
- Benson, M.L., Leanne, F.A., Velmer, S.B. & Francis, T.C. (2011). Reintegration or Stigmatization? Offenders Expectations of Community Re-Entry. *Journal of Criminal Justice*; 39:385–393.
- Caudy, M.S., Folk, J.B., Stuewig, J.B., Wooditch, A., Martinez, A., Maass, S. & Taxman, F.S. (2015). Does Substance Misuse Moderate the Relationship between Criminal Thinking and Recidivism? *Journal of Criminal Justice*; 43:12–19.
- Committee on the Rights of the Child (CRC). (2003). *Concluding Observations*: Singapore. <http://www.refworld.org/publisher,CRC,,SGP,,0.html>.
- European Rules on Community Sanctions and Measures. (2000). *Council of Europe*. <https://pjp-eu.coe.int/documents/3983922/6970334/CMRec+%282002%29+16+on+the+European+rules+on+community+sanctions+and+measures.pdf/01647732-1cf7-4ea8-88ba-2c041bc3f5d6>.

- Folk, J.B., Disabato, D.J., Daylor, J.M., Tangney, J.P., Barboza, S., Wilson, J.S., Bonieskie, L. & Holwager, J. (2016). *Effectiveness of a Self-Administered Intervention for Criminal Thinking: Taking a Chance on Change*. Psychological Services. Advance Online Publication.
- Griffiths, C.T., Dandurand, Y. & Murdoch, D. (2007). *The Social Reintegration of Offenders and Crime Prevention*. A Research Report Prepared for the Policy, Research and Evaluation Division, Public Safety Canada. Ottawa: National Crime Prevention Centre, Public Safety Canada.
- Hong Kong Correctional Service Department. (2001). *Special Topic – Population in Institutions of CDS*. <https://www.csd.gov.hk/english/home/home.html>.
- Hong Kong Prisons Department. (1981). <https://www.ncjrs.gov/pdffiles1/Digitization/86417NCJRS.pdf>.
- Hong Kong Social Welfare Department. (1983). <https://www.ncjrs.gov/pdffiles1/Digitization/86417NCJRS.pdf>.
- Interim National Committee on Community Service (INCSS) in Uganda. (1998). *Report of the First Regional Sensitization/Consultation Workshop on the Introduction of Community Service in Uganda*. Arua, Uganda.
- International Bureau for Children’s Rights. (2000). *Making Children’s Rights Work: Country Profile on Singapore*. https://www.childrensociety.org.sg/resources/front/template/scs/files/child_protection.pdf.
- Kobayashi, R. & Kerbo, I.O. (2012). Differences in Perceived Levels of Informal Punishments for Noncompliance and Rewards for Compliance: A Study on Japanese Offenders. *Journal of Deviant Behavior*; 33:40–57.
- Lebel, T.P. (2012). Invisible Stripes? Formerly Incarcerated Person’s Perceptions of Stigma. *Journal of Deviant Behavior*; 33:89–107.
- Maruna, S. (2001). *Making Good of Offenders Attitudes*. Washington, DC: American Psychological Association.
- McNeill, F. (2012). Four Forms of Offender Rehabilitation: Towards an Interdisciplinary Perspective. *Legal and Criminological Psychology*; 1: 18–36.
- National Community Service Secretariat Report. (2005). *Trends of Community Service Orders in Uganda*.
- Penal Reform International Report. (2001). *International Conference on Community Service in Africa*. https://www.penalreform.org/resource/page/7/?pri_priority&pri_region&pri_project&pri_language&pri_resourcetype=briefing.

- Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat (Pindaan 2011), Jabatan Kebajikan Masyarakat.<http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=negeri/full2&negeri=KTN&id=cm9wblh2YTRST0NVYVN1U2w5U1Q5QT09>.
- Petersilia, J. (2003). When Prisoners Return to Communities: Political, Economic and Social Consequences. *Federal Probation*; 65(1): 3-8.
- Samuri, M.A.A., Omar, K., Awal, A.F. & Sham, F. (2012). *Legal Issues in Sentencing Child Offenders in Malaysia. Advances in Natural and Applied Sciences*; 6 (7):1093-1098.
- Scottish Government. (2008). *Criminal Justice Social Work Statistics, 2007 – 2008*. Edinburgh: Scottish Government. <https://www.gov.scot/Publications/2008/12/09091001/0>.
- Scottish Prisons Commission. (2008). *Scotland's Choice: Report of the Prisons Commission*. Edinburgh: Blackwell. <https://www.gov.scot/Publications/2008/06/30162955/0>.
- Serin, R.I., Mailloux, D. & Wilson, N. (2011). *Practice Manual for use with Dynamic Risk Assessment for Offender Re-entry (DRAOR)*. Carleton University, Canada.
- Social Work Services Group. (1993). *Social Work Services in the Criminal Justice System: Summary of National Objectives and Standards*. Edinburgh: The Scottish Office.
- Thoits, P.A. (2011). Resisting the Stigma of Offenders. *Social Psychology Quarterly*; 74 (6): 6-28.
- Uganda Law Reform Commission. (2004). *Community Law Reform Programme: The Baseline Survey Report*. Kampala-Uganda. <http://www.ulrc.go.ug/>.
- Walters, G.D. (2014). Relationships among Race, Education, Criminal Thinking, and Recidivism: Moderator and Mediator Effects. *Assessment*; 21(1): 82-91.